

Pengurusan Alam Sekitar

- Buangan Terjadual (BT)
- *Effluent Industry*
- Pengendalian Simpanan BT

Buangan Terjadual (BT)

1. Apakah polisi/garis panduan pembuangan sisa buangan terjadual (BT) daripada aktiviti gotong royong/penyelenggaraan/renovasi/pembangunan baru (tong cat, lampu, dsb.)

- PTj perlu melaporkan aktiviti gotong royong kepada pihak JHB supaya Buangan Terjadual (BT) yang dihasilkan semasa aktiviti gotong royong dapat dilupuskan mengikut prosedur yang betul. Sebagai contoh, sisa buangan daripada gotong-royong kebanyakannya melibatkan tong cat dan lampu kalimantan. Tong cat dan lampu kalimantan merupakan salah satu BT yang perlu dilupuskan mengikut Prosedur Pelupusan BT. PTj boleh merujuk kepada prosedur berkaitan di UMPortal seperti di bawah: UMPortal - PTj Info - Pusat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar - SOP Pengurusan Buangan Terjadual (BT)

2. Apakah prosedur untuk menbuang sisa kimia seperti *Ethidium Bromide*, *Acrylamide* bentuk pepejal dan cecair?

- Sisa kimia adalah salah satu yang dikategorikan sebagai buangan terjadual (BT) yang biasa dijana di peringkat PTj terutama PTj yang berasaskan Sains dan Teknologi. Pembungkusan dan penyimpanan BT perlu dirujuk pada SDS dan dilupuskan pada tarikh yang ditetapkan oleh JHB mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Prosedur pelupusan BT boleh dirujuk seperti rujukan di bawah:
- UMPortal - PTj Info - Pusat Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Dan Alam Sekitar - SOP Pengurusan Buangan Terjadual (BT).

3. Apakah solusi bagi isu pembaziran bahan kimia di peringkat PTj?

1. Melaksanakan *chemical register* secara berpusat dari PTj dan mohon kerjasama daripada pensyarah dan penyelidik untuk merekodkan pembelian bahan-bahan kimia dalam *registry* tersebut.
2. Melakukan kawalan pada pembelian baharu dan membuat *record tracing* bagi setiap item yang dibeli.
3. Menjalankan penjimatan melalui perkongsian penggunaan bahan kimia antara PTj.
4. Mengemaskini *chemical register* yang sedia ada supaya dapat mengenalpasti bahan kimia yang masih tidak digunakan di PTj.

Effluen Industri

4. Apakah status *taskforce* untuk pengurusan *effluen industry* yang terkini?

- Pelantikan Pengerusi *Task Force Effluent Industry* yang baru telah dilaksanakan dan akan melaksanakan mesyuarat pertama pada Jun 2025 .
- Perancangan kerja adalah seperti berikut:
 1. Mengenalpasti lokasi pelepasan utama UM ke sistem parit utama.
 2. Mengkaji kadar pencemaran air semasa UM untuk menentukan hala tuju strategi *Task Force* sama ada tindakan selanjutnya diperlukan
 3. Mengenalpasti punca pelepasan mengikut PTj sekiranya kadar pencemaran di kadar yang merisaukan.
 4. Menjalankan tindakan pembetulan kepada punca pencemaran sama ada dari tindakan pengurusan atau kawalan kejuruteraan.

Pengendalian Simpanan BT

5. Bagaimanakah pengurusan tempat penyimpanan buangan terjadual (BT) yang sesuai kerana tempat simpanan sedia ada berdekatan dengan pencawang elektrik?

- PTj perlu menjalankan pentaksiran risiko terlebih dahulu di lokasi penyimpanan BT yang dicadangkan. Sekiranya penilaian didapati tidak bersesuaian, PTj perlu mengambil langkah selanjutnya untuk mencari lokasi baharu. Jika lokasi sedia ada tidak bersesuaian kerana berisiko tinggi disebabkan hazard elektrik dan tiada ruang baharu yang bersesuaian, staf yang bertanggungjawab untuk menyelia stor berkenaan dikehendaki untuk menjalani latihan pengurusan BT dan keselamatan elektrik supaya langkah kawalan dapat diambil dengan sewajarnya untuk mengurangkan risiko kemalangan atau kejadian berbahaya di stor tersebut.